

ORANG LAUT SEMASA PEMBENTUKAN DAN PERKEMBANGAN KUASA POLITIK KOLONIAL DI ALAM MELAYU

Roziah binti Mohamad Ali
Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan tentang perkembangan yang berlaku dalam masyarakat Orang Laut di Riau-Lingga dan Selat Melaka semasa pembentukan polity era kolonial di Alam Melayu. Kehadiran dan perluasan kuasa Eropah di Alam Melayu telah membawa perubahan ke dalam persekitaran politik dan sosioekonomi di samping transformasi budaya, ekonomi dan teknologi. Perubahan yang berlaku menjadi pemangkin kepada pertembungan nilai dan budaya. Pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian sejarah melalui analisis dokumen dan manuskrip telah dipilih untuk menjawab persoalan dalam penulisan ini. Dapatan kajian menunjukkan perkembangan yang berlaku semasa polity era kolonial di Alam Melayu ternyata memberi cabaran kepada kepentingan maritim Orang Laut dalam konteks polity kerajaan Melayu tradisional yang dilestarikan melalui sistem naungan. Kemerosotan kerajaan entrepot Melayu dan perubahan yang berlaku telah memberi kesan kepada kedudukan Orang Laut sebagai sumber kuasa kepada polity kerajaan Melayu. Imej Orang Laut dikaitkan dengan kegiatan perlanungan dan disifatkan sebagai *national disgrace* pada sudut pandangan para pentadbir kolonial. Kesimpulannya, perubahan yang berlaku semasa polity era kolonial di Alam Melayu bukan sahaja telah memberi kesan kepada jalinan hubungan dalam lingkungan institusi politik dan sosioekonomi tradisional peribumi malah turut menghapuskan kepentingan maritim Orang Laut.

Kata kunci: Orang Laut, maritim, polity kolonial, Alam Melayu

PENGENALAN

Kehadiran kuasa Eropah di Alam Melayu telah membawa perubahan dan cabaran kepada kepentingan maritim Orang Laut. Jatuhnya Melaka ke tangan Portugis pada 1511 menandakan titik permulaan kepada kemunculan polity kolonial di Alam Melayu. Kehadiran Portugis diikuti oleh kedatangan kuasa Eropah yang lain seperti Sepanyol, Belanda dan British. Kehadiran dan perluasan kuasa Eropah di Alam Melayu bukan sekadar dilambangkan melalui penubuhan bandar pelabuhan seperti Betawi, Manila, Pulau Pinang dan Singapura. Malah turut sama membawa konsep-konsep baharu ke dalam persekitaran politik dan sosioekonomi di samping transformasi budaya, ekonomi dan teknologi. Abad ke-19 atau lebih tepat lagi pada sekitar 1819 hingga 1874 yang digambarkan oleh Andaya (2001) sebagai *New World*, suatu tempoh yang menyaksikan perubahan besar dalam keseimbangan populasi dan pengurusan perdagangan di Alam Melayu. Perubahan yang berlaku menjadi pemangkin kepada pertembungan nilai dan budaya. Penulisan ini bertujuan untuk menganalisis perkembangan yang berlaku dalam kalangan masyarakat Orang Laut di Kepulauan Riau-Lingga dan Selat Melaka semasa pembentukan polity era kolonial di Alam Melayu.

PERTEMBUNGAN PADA ABAD KE-16

Kehadiran orang Eropah di Alam Melayu sudah dirasai sejak abad ke-16 lagi (Andaya & Andaya, 2015:134-140; Borschberg, 2003:55-88). Kedatangannya dalam pelbagai rupa bentuk dan wajah, *country trader* yang datang sebagai pengembara, misi-misi pelayaran yang ditaja oleh istana-istana Eropah dan disusuli oleh pembentukan syarikat-syarikat dagang mahupun penubuhan bandar-bandar pelabuhan kolonial kemudiannya (Miller, 2000:23-45). Selat Melaka telah menyaksikan kehadiran Portugis dan Sepanyol, diikuti oleh Belanda dan Inggeri serta kuasa-kuasa Eropah yang lainnya. Kehadiran mereka menyebabkan berlakunya pertembungan dengan masyarakat peribumi mahupun persaingan sesama sendiri dalam usaha mendominasi perdagangan di rantau ini. Pertembungan antara kuasa Eropah dengan polity peribumi sering kali dizahirkan dalam bentuk pakatan mahupun permusuhan. Kadang kala memungkinkan keterlibatan polity peribumi dalam persaingan antara kuasa-kuasa Eropah.

Bagi Andaya (1999), sesungguhnya pengembaraan Eropah yang awal telah diusahakan dan ditaja oleh istana-istana Portugis dan Sepanyol. Ini bermula dengan usaha menjalankan polisi yang sistematik dalam mencari laluan laut yang langsung antara Eropah dan Asia yang merupakan kawasan pengeluar rempah. Kesan daripada perdagangan, *Estado da India (State of India)* yang dibangunkan oleh Portugis turut membantu dalam mengubah suai pembangunan dan perkembangan di Asia Tenggara (Jarnagin, 2011; Jarnagin, 2012). Abad ke-17 telah membawa British dan Belanda kepada persekitaran komersil masyarakat Asia, dan memperkenalkan idea-idea perdagangan yang inovatif dalam bentuk syarikat usaha sama (Eisenstadt, 1978:167-186). Seiring dengan kehadiran kuasa Eropah di Alam Melayu, berlaku evolusi dalam sifat perdagangan di rantau ini apabila munculnya konsep-konsep baharu dalam persekitaran sosioekonomi Alam Melayu.

KEMUNCULAN POLITY KOLONIAL DI ALAM MELAYU

Keperluan dan permintaan yang tinggi terhadap barang dagangan Asia Tenggara telah mendorong kepada perluasan dan persaingan kuasa Eropah untuk datang ke Asia Tenggara. Pada awalnya, kedaulatan kuasa-kuasa Eropah di Alam Melayu ini dilambangkan oleh kuasa yang terletak pada individu-individu penting yang menerajui kepemimpinan syarikat dagang Eropah. Kedaulatan dan keabsahan dari segi kuasa memberi ruang dan kesempatan kepada syarikat dagang Eropah ini menjalankan urusan niaga, menjalin hubungan perdagangan mahupun memberi tekanan kepada polity peribumi di Alam Melayu. Sifat kuasa yang ada pada syarikat dagang Eropah memungkinkan wujudnya perjanjian mahupun tekanan antara syarikat perdagangan Eropah dengan pemerintah peribumi. Kerap kali, kuasa Eropah yang diwakili oleh syarikat perdagangan ini menjadi sumber utama kepada pemerintah peribumi untuk mendapat pengiktirafan dan keabsahan kuasa (Trocki, 2007; Trocki 1999: 75-126). Kuasa Eropah yang diwakili oleh syarikat perdagangan ini berkemampuan untuk menentukan jatuh bangunnya polity kerajaan Melayu (Turnbull, 1972; Reid, 1999:116-163; Reid, 1993; Tarling, 2001; Tarling, 1999:1-74; Tarling, 1993; Tarling, 1969; Legge, 1980:72-120).

Syarikat perdagangan Eropah melalui pembentukan bandar pelabuhan seperti Betawi, Manila, Pulau Pinang dan Singapura selain daripada kota Melaka yang sedia ada, telah memperkenalkan konsep-konsep baharu dalam persekitaran politik dan

sosioekonomi di Alam Melayu (Vlekke, 1945:79-89; Andaya & Andaya, 1999:1-57; Nordin Hussin, 2007; Mills, 2012; Miksic, 2014; Milner, 2002; Milner, 1982; Mills, 2012, Borschberg, 2012:93-117). Konsep-konsep baharu pinjaman daripada Eropah ini telah mewarnai sifat polity kolonial di Alam Melayu. Kedatangan kuasa Eropah ke Alam Melayu telah membawa bersama konsep baharu tentang pembentukan negara-bangsa yang lahir daripada *Peace of Westphalia 1648*, contohnya kewilayahan dan sempadan. Konsep kewilayahan dan sempadan dari sudut pandangan dunia masyarakat di Alam Melayu sebelum kedatangan kuasa Eropah ternyata berbeza dengan sudut pandangan dan persepsi Eropah (Wolters, 1999; Archarya, 2012; Geertz, 1980; Abdullah Zakaria, 2004; Mardiana Nordin, 2004). Pembahagian wilayah, perbatasan dan sempadan dalam dunia Melayu berlaku seiring dengan perluasan kuasa Eropah di Alam Melayu. Pertelagahan British dan Belanda tentang Selat Singapura, pembahagian wilayah Kepulauan Melayu kepada dua kuasa Eropah melalui Perjanjian Inggeris-Belanda 1824 sehingga menyebabkan perpecahan empayar Johor-Riau memperlihatkan peranan kuasa Eropah dalam menentukan hala tuju dan kepemimpinan dan pemerintahan dalam institusi politik Melayu tradisional (Borschberg, 2015; Borschberg, 2014; Borschberg, 2011; Borschberg, 2010; Tarling, 1962; Maxwell & Gibson, 1924).

Pada 1511, ekspedisi Portugis di bawah Alfonso de Albuquerque yang tiba di pesisiran pantai Melaka telah mengambil alih kawalan terhadap kota pelabuhan tersebut selepas berjaya melancarkan kempen ketenteraan ke atas Melaka. Walaupun kedudukan Portugal terpinggir di Eropah, namun ia merupakan sebuah negara yang maju dari aspek teknologi. Sejak akhir abad ke-15, Portugal telah membangunkan pangkalan di sepanjang pesisiran pantai Asia dalam usaha untuk menyertai laluan perdagangan maritim yang sangat aktif dan menguntungkan. Kehadiran Portugis dan pengaruhnya di Semenanjung Tanah Melayu dan kawasan yang lainnya di pedalaman Asia telah meluas, menyangkaui perdagangan dan berterusan sehingga abad ke-21 (Jarnagin, 2011; Jarnagin, 2012). Jatuhnya kota Melaka ke tangan Portugis pada 1511 menandakan bermulanya era polity kolonial di Alam Melayu. Kedatangan Portugis didorong oleh keperluan terhadap barang dagangan dari Asia Tenggara terutamanya rempah di samping bermotifkan agama. Pembentukan *Estadio da India* oleh Portugis telah memberi laluan kepada penguasaan kota Melaka khususnya dan Alam Melayu umumnya dalam memenuhi matlamat dan tujuan (de Sousa Pinto, 2012; Borschberg, 2011).

Kehadiran Portugis ini diikuti oleh kedatangan kuasa Eropah yang lainnya seperti Sepanyol, Belanda dan British pada abad-abad kemudiannya. Selat Melaka telah menyaksikan persaingan kuasa Eropah dalam usaha untuk memonopoli perdagangan di Alam Melayu. Kedatangan kuasa Belanda dan British memperlihatkan sedikit perbezaan jika dibandingkan dengan Portugis. Kehadiran Belanda bertujuan untuk memonopoli perdagangan dan keperluan terhadap barang dagangan di Alam Melayu. Kedatangan Belanda diwakili oleh syarikat perdagangan, *Dutch East India Company* atau *Verenigde Oost-Indische Compagnie* (VOC) (Furnivall, 1939: 20-53). Tujuan VOC pada peringkat awal bukanlah bermotifkan penaklukan namun lebih didorong oleh kerakusan dalam memonopoli perdagangan rempah di Alam Melayu. VOC meneruskan perluasan kuasa di kepulauan selepas 1682 dengan mengguna ketenteraan dan diplomatik untuk menguatkuasakan monopoli terhadap barang bernilai yang dihasilkan di kepulauan atau yang melalui kepulauan. Belanda telah menduduki pelabuhan utama dan sebahagian besar Jawa,

namun tidak pernah berjaya mengawal perdagangan yang lebih penting secara keseluruhannya (Bassett, 2010). Seperti mana Belanda, British memperlihatkan usaha dan jejak langkah yang sama. Keperluan terhadap barang dagangan telah membawa kepada pembentukan syarikat perdagangan yang dikenali sebagai *British East India Company* (EIC) (Tarling, 2001).

Dua kuasa Eropah iaitu Belanda dan England telah membangunkan kedudukan mereka sebagai broker perdagangan yang cemerlang dalam lingkungan sistem *tributary* Asia dengan bersandarkan kekuatan komersil mereka pada perdagangan jarak jauh dan eksploitasi perdagangan Atlantik, perhambaan, gula dan emas. Kedua-dua kuasa Eropah utara ini muncul sebagai teras, seperti apa yang diistilahkan oleh Wallerstein (1974) sebagai *European World-economy*. Berlaku peralihan hegemoni dengan kebangkitan syarikat dagang atau kompeni Eropah utara yang berjaya dalam perdagangan Asia. Peralihan ini juga turut dipengaruhi oleh kawalan monopoli ke atas wilayah dan penubuhan birokrasi gaya Eropah melalui penguasaan British ke atas benua kecil India dan penglibatan mendalam Belanda di Jawa (Gunn, 2011:85).

Pelbagai cara digunakan oleh kuasa-kuasa Eropah untuk memenuhi matlamatnya sama ada melalui pakatan mahupun kekejaman yang didukung oleh ideologi, agama dan undang-undang (Tarling, 1999). Sistem kolonial seperti mana sistem yang awalnya, menggunakan unsur lama yang dijalin dengan unsur baru dalam usaha untuk merealisasikan objektifnya. Bentuknya dicirikan oleh sistem kerajaan Eropah yang bersifat kontemporari dan memberi penekanan kepada jajahan takluk dan kawasan geopolitik yang menjangkau sempadan. Ternyata agak berbeza dengan sistem di Asia Tenggara yang cenderung untuk menangani manusia berbanding kawasan. Ideologi kolonialisme yang berteraskan gabungan kerajaan dan warganegara merupakan unsur-unsur pemodenan dalam pendekatan kolonial, permulaan kepada lakaran regim kolonial di Alam Melayu.

Seperti mana yang dinyatakan oleh Gunn (2011), pembentukan pakatan dan kehebatan tentera laut memainkan peranan dalam perluasan kuasa. Dalam tempoh abad ke-16 hingga ke-18, bangsa Eropah yang berbeza-beza ini bimbang dengan keselamatan laluan perdagangan laut Asia. Kepentingan yang mereka rasai di Semenanjung Tanah Melayu sebahagian besarnya telah mendorong keinginan untuk menubuhkan pangkalan tentera laut untuk menjaga Selat Melaka. Kehadiran Portugis pada 1511 telah melihat kesesuaian Melaka sebagai tapak untuk pembinaan kota sehingga membawa kepada penawanan Melaka oleh Alfonso de Albuquerque. Selama 130 tahun kemudiannya, Belanda pula telah mengambil alih Melaka sehingga 1795 dan Melaka berada di bawah kawalan sementara British semasa Belanda terlibat dalam Perang Revolusi di Perancis.

PERKEMBANGAN DALAM POLITY ERA KOLONIAL DAN KESANNYA KE ATAS ORANG LAUT

Jatuh banggunya hegemoni kerajaan Melayu mempunyai pertalian yang erat dengan kehadiran Orang Laut sebagai sumber kuasa. Sejak era kebangkitan empayar Srivijaya, sudah terjalin suatu hubungan yang bersifat simbiotik antara Orang Laut dengan pemerintah Melayu yang dilestarikan melalui sistem naungan. Jalanan hubungan yang akrab ini berkesinambungan sehingga ke zaman kegemilangan polity

kerajaan Melayu yang wujud kemudiannya. Orang Laut memainkan peranan penting sebagai sumber kuasa maritim dan menjadi nadi kepada kebangkitan hegemoni Kesultanan Melayu Melaka dan kerajaan Johor-Riau. Namun, perubahan yang berlaku pada sekitar tahun 1699 hingga 1819 merupakan suatu tempoh yang disifatkan oleh Andaya sebagai era kemerosotan kerajaan entrepot Melayu dan perubahan yang berlaku ini turut memberi kesan kepada Orang Laut (Andaya & Andaya, 2001: 166-195).

Menurut Warren (2003), 'kejayaan' Orang Laut tidak bertahan lama, terutamanya sejak kejatuhan Melaka ke tangan Portugis. Orang Laut tidak lagi menjadi bangsawan sebaliknya menjadi lanun atau illanoon yang bererti bajak laut atau perompak. Kemunculan polity era kolonial di Alam Melayu telah mendorong kepada berlakunya kegiatan merompak dan merampas barang dagangan di laut. Ini berikutan daripada tindakan kuasa-kuasa Eropah yang berusaha untuk memonopoli perdagangan dan kuasa politik di wilayah tersebut misalnya Sepanyol di Filipina dan Belanda di Jawa dan Melaka. Ini digambarkan oleh William Dampier, seorang pelaut Inggeris pada tahun 1689 melalui kenyataan beliau bahawa orang Melayu menjadi 'lanun' akibat daripada tindakan Belanda yang menghalang mereka daripada berdagang secara bebas (Dampier, 1931: 113).

Kesetiaan Orang Laut kepada polity kerajaan Melayu berada dalam suatu garisan yang kompleks pada abad ke-19. Perpecahan dalam polity kerajaan Melayu turut memberi kesan kepada kesetiaan para pengikutnya. Orang Laut yang terdiri daripada pelbagai suku berada di bawah naungan pemerintah dan pembesar Melayu yang berbeza. Sebahagian daripada Orang Laut yang terdiri daripada Suku Gelam, Seletar dan Kallang memberi kesetiaan mereka kepada Temenggung Abdul Rahman di Singapura yang diistilah oleh Trocki sebagai *prominent sea-lord of the time* (Trocki, 2007; Chou, 2010:52). Manakala, Suku Moro, Sugi dan Galang masih setia kepada Sultan Lingga. Suku-suku lain pula mewujudkan pakatan kesetiaan dengan para pemerintah dan pemimpin yang lain. Terdapat juga sebahagian daripada Orang Laut yang menyertai Illanun dalam menjalankan kegiatan rompak di sekitar perairan dan sungai Reteh, Saba, Jambi dan Indragiri yang terletak di persisiran pantai timur Sumatera (Warren, 2007:156-157; Logan, 1849b:581-588, 629-636).

Para pemerintah dan pembesar tempatan yang disokong oleh para pengikutnya berjuang untuk meneruskan kesinambungan pengaruh mereka dengan melancarkan serangan di Selat Melaka bagi menegakkan kuasa politik mereka. Namun, kesetiaan Orang Laut kepada para ketua mereka yang dipamerkan melalui peranan dalam melancarkan serangan telah disalahertikan oleh para pentadbir polity kolonial sebagai perlanunan. Seiring dengan perluasan kuasa kolonial di Alam Melayu yang telah berkembang dengan pesat, pandangan negatif pihak berkuasa kolonial terhadap Orang Laut memberi kesan yang mendalam. Orang Laut telah dikenal pasti sebagai kelompok lanun yang utama dan digambarkan sebagai golongan perompak Melayu oleh pihak berkuasa British. Berdasarkan deskripsi Crawford (1856), pandangan-pandangan negatif tentang Orang Laut ini datang daripada penulisan awal dalam kalangan orang Eropah terutamanya De Barros dan Tome Pires.

Berdasarkan pandangan yang bersifat negatif ini, konsep Melayu tentang kesetiaan yang dipamerkan melalui peranan Orang Laut dalam sejarah jangka panjang mereka ditolak dan dianggap sebagai *barbaric* atau kasar. Malah tanggapan antagonis

orang-orang Eropah terhadap masyarakat pelaut yang dianggap sebagai perompak di laut dijadikan pegangan (Logan, 1849b:587, 629-636; Skeat & Ridley, 1900:248). Penjelasan tentang perompakan di laut yang dilakukan oleh Orang Laut diletakkan dalam terma tindakan jenayah perlanunan, ketagihan yang jahat, amalan yang menjadi warisan masyarakat tidak bertamadun; yang mengamalkan adat dan tradisi peribumi *barbaric* atau gasar ekoran daripada ketidakmampuan untuk membezakan antara yang benar dan salah (Chou, 2010: 71). Ini dipaparkan dalam surat yang diutus oleh Sir Stamford Raffles kepada Lord Minto berhubung dengan kerajaan-kerajaan di kepulauan Hindia. Beliau menjelaskan bahawa perlanunan itu sudah tersemat dalam amalan Melayu (Logan, 1849b:583; Logan 1849a:463-467). Pandangan terhadap Melayu ini turut dikongsi oleh Orang Laut yang memperlihatkan bahawa Orang Laut sudah terikat dengan perlanunan sebagai industri yang diwarisi daripada nenek moyang dan adalah sesuatu yang mustahil untuk meyakinkan mereka bahawa perlanunan itu adalah suatu tindakan jenayah (Logan, 1849b:635).

Pada pandangan Barnard (2004), masyarakat Melayu melihat terdapatnya perbezaan yang jelas antara “merompak” dan kegiatan serangan yang sah bagi menegakkan undang-undang adat Melayu untuk para pemerintah mereka. Trocki (2007) turut menyatakan pandangan yang sama dengan merujuk kepada Tuhfat al-Nafis tentang pemisahan yang jelas antara tindakan yang dilakukan oleh Orang Laut di bawah kepemimpinan penguasa-penguasa Melayu berbanding dengan tindakan perompak. Kegiatan serangan di laut dalam konteks sistem politik Melayu merupakan suatu kegiatan yang mendapat keabsahan (Trocki, 2007:68). Dengan menolak pandangan dari sudut budaya Melayu, kebanyakan penulisan para pentadbir kolonial khususnya British melihat Orang Laut merupakan pengikut kepada pelbagai golongan bangsawan yang menyediakan senjata, peruntukan dan maklumat untuk melancarkan ekspedisi perlanunan dengan tujuan untuk menjana pendapatan bagi memberi sokongan kepada ketua-ketua mereka (Crawford, 1856:354; Logan, 1849b:585). Pandangan yang sebegini turut meletakkan para pemerintah Melayu terlibat dalam sistem perlanunan. Hakikatnya, perlanunan ini telah dilabelkan kepada seluruh masyarakat Melayu tanpa memahami sebab-sebab munculnya perompakan di laut ini.

Kegiatan perompakan di Selat Melaka pada abad ke-18 bukan sahaja dilakukan oleh Orang Laut malah turut melibatkan suku-suku rumpun Melayu yang lain seperti Minangkabau, Bugis dan Lampung. Pada suku akhir abad ke-18 atau lebih tepat lagi pada sekitar tahun 1754 hingga 1838, kaum Illanun atau dikenali juga sebagai Iranun yang berasal dari selatan Filipina telah menjalankan kegiatan perompakan di sekitar perairan Alam Melayu (Warren, 2002:53-85). Penglibatan Iranun dalam perompakan di Selat Melaka lebih jelas selepas tahun 1787. Ini berikutan daripada tindakan Sultan Mahmud Riau-Lingga yang telah menjemput puak Iranun untuk membantu baginda dalam usaha menghalau Belanda dari Riau. Peristiwa ini dicatatkan dalam Tuhfat al-Nafis (Hooker, 2012:278). Orang Laut telah bergabung dengan Iranun dalam kegiatan perompakan di laut. Pergabungan ini memburukkan lagi keadaan. Misalnya di Bangka, keadaan menjadi huru hara apabila perompakan dan perampasan sering kali berlaku terutamanya sekitar tahun 1792 hingga 1804 sehingga menyebabkan bahagian timur kepulauan terbiar (Horsfield, 1848:318-24). Iranun telah memusnahkan penempatan dan mengurangkan pengeluaran bijih timah dengan membawa pergi ratusan pekerja lombong yang terdiri daripada Melayu, Cina dan Jawa untuk dijadikan hamba abdi (Warren, 2002:158).

Penyertaan Orang Laut dalam kegiatan Iranun didorong oleh keuntungan yang mereka perolehi berbanding dengan apa yang mereka dapat sekiranya bergabung dengan kerajaan Palembang (Andaya, 1993:225). Keperluan terhadap tenaga kerja daripada pihak Belanda terutamanya VOC dan para pegawainya serta orang persendirian Belanda merupakan sebab utama yang menggalakkan keterlibatan Orang Laut dalam kegiatan serangan terhadap kapal dan perkampungan untuk mendapatkan tawanan yang boleh dijual sebagai hamba abdi. Permintaan yang tinggi terhadap hamba abdi mendorong ramai pedagang untuk mendapatkan hamba abdi daripada Orang Laut yang berpangkalan di Palembang.

Pihak pentadbir kolonial British dan Belanda telah mengambil keputusan untuk bekerjasama dalam membanteras serangan maritim. Pelbagai strategi telah digunakan untuk memerangi kegiatan perlanunan sepanjang abad ke-19. Antara langkah-langkah yang diambil untuk membendung kegiatan perlanunan adalah mengadakan rundingan dan mewujudkan pakatan dengan ketua-ketua tempatan, menggunakan kapal perang dan kapal wap untuk melancarkan serangan terhadap lanun, menambah baik teknologi ketenteraan laut Eropah, meningkatkan sumber persenjataan dan teknologi ketenteraan laut, menghakimi Orang Laut sebagai penjenayah di bawah sistem undang-undang Eropah, menandatangani perjanjian dan menentukan perbatasan antarabangsa. Raffles sebaliknya berpandangan bahawa sistem pakatan antara ketua-ketua Melayu tempatan dan EIC dapat mengawal kegiatan perlanunan dan memulihkan hak kedaulatan peribumi (Chou, 2010:56; Tarling, 1962:69-70).

Misalnya British di Singapura mewajibkan Temenggung Ibrahim yang menaungi Suku Galang, salah satu suku Orang Laut yang terkenal dengan kegiatan perompakan di laut, mengawal para pengikutnya dan menyerahkan hamba abdi yang berjaya ditawan (Trocki, 2007:82-83). Manakala, pemerintah Belanda dan Sultan Riau-Lingga telah menandatangani beberapa perjanjian berkaitan bidang kuasa ke atas gugusan kepulauan yang bertebaran di seluruh wilayah. Pihak berkuasa British dan Belanda seterusnya telah menandatangani perjanjian Inggeris-Belanda 1824 yang menentukan perbatasan atau sempadan antarabangsa bagi memastikan keberkesanan kawalan terhadap wilayah masing-masing (Maxwell & Gibson, 1924: 8-12). Perjanjian ini turut menjejaskan kawalan sultan dan para pembesar Melayu terhadap pengikut mereka termasuk Orang Laut. Tuhfat al-Nafis memaparkan dengan jelas campur tangan Belanda di wilayah kepulauan Riau-Lingga dalam memerangi perlanunan (Hooker, 2012:180-181, 279, 291-292, 399, 411, 404, 408-409). Pendekatan diplomatik dan tekanan kewangan telah digunakan oleh Belanda untuk memaksa para pemerintah untuk bekerjasama dalam membanteras perlanunan. Perlanunan merupakan masalah yang serius di kepulauan Riau-Lingga terutamanya pada sekitar 1830an. Belanda dan British telah bergabung tenaga dalam usaha untuk memusnahkan tempat-tempat persembunyian lanun (Tarling, 1963).

Tanggapan dan usaha British menangani kegiatan perlanunan memberi kesan kepada Orang Laut dan para pembesar Melayu yang mengamalkan sistem politik tradisional. Misalnya dalam konteks hubungan Temenggung Ibrahim dan Orang Laut. Keabsahan Temenggung Ibrahim terletak pada British manakala sumber politik terletak pada rakyatnya yang pada dasarnya terdiri daripada Orang Laut (Trocki, 2007:78). Keberkesanan usaha menangani perlanunan pada 1836 menyebabkan

kepentingan politik dan ekonomi Orang Laut merosot (Trocki, 2007: 98). Tekanan British dan Belanda telah menyebabkan kemusnahan kerajaan maritim. Kerjasama Temenggung Ibrahim dengan British untuk menghapuskan lanun merupakan satu titik peralihan kepada Temenggung Ibrahim. Kerjasama antara Bugis dan British untuk menghapuskan perlanunan merupakan permulaan kerjaya Temenggung (Trocki, 2007:210). Berlaku perubahan penting antara Temenggung Ibrahim dengan Orang Laut daripada perlanunan kepada perladangan yang merupakan faktor penyisihan Orang Laut. Temenggung Ibrahim telah menempatkan Orang Benua dan Orang Biduanda Kallang di tempat-tempat yang memberi kepentingan kepada beliau. Sekitar 1840an, berlaku perubahan ekonomi daripada berasaskan Orang Laut dan kawalan terhadap perdagangan kepada pertanian komersil. Ini merupakan suatu transformasi dalam unit politik Melayu yang klasik (Trocki, 2007:98).

Akibat daripada tindakan British dan Belanda, para pembesar Melayu tiada pilihan sebaliknya membangunkan semula kuasa politik mereka dalam persekitaran masyarakat pertanian dan perlombongan, menjadikan peranan penting Orang Laut sebelum ini tidak diperlukan lagi dalam konteks Alam Melayu yang sudah terjajah. Berdasarkan pandangan Trocki, kini tiada pemerintah Melayu yang dapat membina semula kerajaan berasaskan Orang Laut (Trocki, 2007:98, 204). Kempen anti-perlanunan yang dilancarkan oleh penjajah Eropah ini sinonim sifatnya dengan serangan terhadap Orang Laut melalui propaganda yang meletakkan imej Orang Laut sebagai masyarakat yang tidak bertamadun, perlu dikawal dan diberi pendidikan (Chou, 2010:56). Dari sudut pandangan British, imej-imej Orang Laut ini dipaparkan dalam penulisan memperlihatkan kelompok masyarakat tersebut masih lagi mengekalkan ciri-ciri kehidupan yang penuh dengan keganasan, amalan paganisme dan terlibat dengan kegiatan perlanunan (Anderson, 1965 [1824]; Thomson, 1947: 343-344; de Bruyn Kops, 1855: 108; Begbie, 1967:270-272; St. John, 1849:260). Imej stereotaip Orang Laut yang digambarkan sebagai lanun yang kejam, keganasan, kurang bertamadun, paganisme dan mengamalkan kehidupan nomadik yang tidak menduduki mana-mana wilayah terus-menerus dipromosikan sehingga pada pandangan British, Orang Laut disifatkan sebagai *national disgrace* (St. John, 1849: 260). Justeru, menjadi suatu tanggungjawab yang bersifat sakral untuk memperbaiki keadaan moral masyarakat peribumi (Logan, 1849a:466).

Maka, dengan alasan untuk mentamadunkan lanun dan meningkatkan kawalan politik ke pinggir wilayah seperti kepulauan Riau-Lingga, di mana tersebarnya masyarakat Orang Laut, British mahupun Belanda memberi tekanan kepada kelompok masyarakat pelaut tersebut untuk meninggalkan cara hidup nomadik yang dianggap tidak bertamadun sebaliknya berasimilasi dengan masyarakat daratan dan komuniti Melayu yang lebih progresif (Tagliacozzo, 2000: 75). Pada pandangan pihak berkuasa British dan Belanda, kempen anti-perlanunan ini merupakan suatu usaha untuk memastikan keselamatan para pedagang antarabangsa yang melalui wilayah Alam Melayu. Dengan andaian bahawa dengan berkembangnya perdagangan maka wilayah akan bertambah makmur. Namun, keadaan ini seolah-olah mengesahkan lagi persepsi negatif terhadap Orang Laut yang diwar-warkan oleh pihak kolonial secara berterusan. Seiring dengan perluasan kuasa regim kolonial, maka runtuhnya organisasi kelompok tradisional dan Orang Laut semakin terasing dan terpinggir serta dilihat sebagai orang kasar yang tinggal di pinggir masyarakat Melayu. Warisan penjajah Eropah dalam memupuk persepsi negatif terhadap Orang Laut memberi kesan yang berkekalan. Hingga kini, persepsi tersebut mempengaruhi penerimaan

kelompok masyarakat lain terhadap Orang Laut. Walau apa pun persepsi terhadap Orang Laut, hakikatnya kelompok masyarakat tersebut merupakan sebahagian daripada unsur yang telah mencorakkan sejarah Melayu dan kerajaan Melayu sebelum kemunculan polity era kolonial di Alam Melayu. Walaupun secara rasminya perjanjian Inggeris-Belanda 1824 telah memisahkan kerajaan Johor kepada dua bahagian namun Orang Laut masih lagi melihat Alam Melayu sebagai suatu kesepaduan. Sepertimana yang dinyatakan oleh Chou (2010:58);

They firmly hold to the view that the Malay World which they founded is not a bounded territory, but an expanded network of genealogically related places that evolved politically in the course of their maritime pursuits. No imperial power has been able to obscure the historical reality of the Malay World that existed for centuries.

RUMUSAN

Selat Melaka telah menyaksikan kedatangan dan persaingan kuasa-kuasa Eropah di Alam Melayu pada sekitar abad ke-16 hingga abad ke-19. Persaingan untuk menguasai laluan perdagangan antara Timur dan Barat telah merintis jalan kepada kemunculan dan pembentukan polity kolonial di Alam Melayu. Bermula dengan kedatangan Portugis, diikuti oleh Belanda dan British, seterusnya disusuli oleh kuasa-kuasa Eropah yang lain kemudiannya. Jatuhnya Melaka ke tangan Portugis diiringi dengan kemunculan polity kolonial melalui pembentukan bandar-bandar pelabuhan seperti Betawi, Manila, Pulau Pinang dan Singapura. Pembentukan polity kolonial ini menyebabkan berlakunya pertembungan dan interaksi, penyesuaian dan adaptasi, mahupun penolakan atau penerimaan malah tekanan dan penindasan. Dengan bersandarkan kayu ukur dan sudut pandangan Eropah, muncul konsep-konsep baharu dalam persekitaran politik dan sosioekonomi di Alam Melayu. Kedaulatan dan keabsahan polity kolonial dicirikan dengan negara-bangsa, wilayah dan sempadan, di samping transformasi budaya, ekonomi dan teknologi. Pelaksanaan dasar polity kolonial menggugat keutuhan institusi politik dan sosioekonomi peribumi. Berlaku perubahan corak ekonomi daripada maritim kepada agraria yang mengiringi perubahan sumber tenaga manusia bagi memenuhi keperluan ekonomi. Pembentukan polity kolonial telah membawa perubahan besar dalam keseimbangan populasi dan pengurusan perdagangan di samping kemajuan teknologi, perkapalan dan ketenteraan. Titik perubahan yang berlaku telah menjadi pemangkin kepada pertembungan nilai dan budaya. Ternyata perubahan yang berlaku semasa era polity kolonial bukan sahaja telah memberi kesan kepada jalinan hubungan dalam lingkungan institusi politik dan sosioekonomi tradisional peribumi malah turut menghapuskan kepentingan maritim Orang Laut dalam polity kerajaan Melayu.

RUJUKAN

Abdullah Zakaria. (2004). *Sempadan Negeri-negeri Melayu sebelum Campur Tangan British. Bengkel Pengesahan Fakta Sejarah Persempadanan Negeri-negeri di Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

- Acharya, A. (2012). *The Making of Southeast Asia: International Relations of a Region*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Andaya, B.W. & Andaya, L.Y. (2015). *A History of Early Modern Southeast Asia, 1400-1830*. Honolulu: Cambridge University Press.
- Andaya B.W. & Andaya, L.Y. (2001). *A history of Malaysia, 2nd Edition*. Fifth Avenue, New York: Palgrave Macmillan.
- Andaya, B. W. (1993). *To Live as Brothers, Southeast Sumatra in the Seventeenth and Eighteenth Centuries*. Honolulu: University of Hawaii Press.
- Andaya, L.Y. (1999). "Interactions with the Outside World and Adaptation in Southeast Asian Society, 1500-1900". In N. Tarling. (Ed.) *The Cambridge History of Southeast Asia. Vol. II. From c. 1500 to c. 1800*. Cambridge: Cambridge University Press, Cambridge.
- Anderson, J. (1965) [1824] *Political and Commercial Considerations Relative to the Malayan Peninsula and the British Settlements in the Straits of Malacca*. Singapore: Royal Asiatic, Malayan Branch.
- Barnard, T.P. (2004). Texts, Raja Ismail and violence: Siak and the transformation of Malay identity in the eighteenth century. In T.P. Barnard (Ed.). *Contesting Malayness: Malay Identity Across Boundaries*. Singapore: Singapore University Press.
- Begbie, P.J. (1967). *The Malayan Peninsula*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Borschberg, P. (2015). *Journal, Memorials and Letters of Cornelis Matelieff de Jonge. Security, Diplomacy and Commerce in 17th-century Southeast Asia*. Singapore: NUS Press.
- Borschberg, P. (2014). *The Memoirs and Memorials of Jacques de Coutre: Security, Trade and Society in 16th- and 17th-century Southeast Asia*. R. Roy. (Trans.). Singapore: NUS Press.
- Borschberg, P. (2011). *Hugo Grotius, the Portuguese and Free Trade in the East Indies*. Singapore: NUS Press.
- Borschberg, P. (2010). *The Singapore and Melaka Straits. Violence, Security and Diplomacy in the 17th Century*. Singapore: NUS Press.
- Borschberg, P. (2008). Jacques de Coutre as a Source for Early Seventeenth-Century History of Singapore, the Johor River, and the Straits. *JMBRAS* 81 (2), 71-97
- Borschberg, P. (2003). Portuguese, Spanish and Dutch Plans to Construct a Fort in the Straits of Singapore, ca. 1584-1625, *Archipel*, 65, 55-88
- Chou, C. (2010). *The Orang Suku Laut of Riau, Indonesia: The inalienable gift of territory*. London and New York: Routledge, Taylor & Francis Group.
- Crawford, J. (1856). *A Descriptive Dictionary of the Indian Islands and Adjacent Countries*. London: Bradbury & Evans.
- Dampier, W. (1931). *Voyages and Discoveries*. London: The Argonaut Press.
- De Bruyn Kops, G. F. (1855). Sketch of the Rhio-Lingga archipelago. *Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia* 9,108.
- De Sousa Pinto, P.J. (2012). *The Portuguese and the Straits of Melaka 1575-1619. Power, Trade and Diplomacy, The Malaysian Branch of Royal Asiatic Society Monograph 45*, Roopanjali Roy (Ed.). Singapore & Kuala Lumpur: NUS Press & The Malaysian Branch of Royal Asiatic Society.
- Eisenstadt, S.N. (1978). European Expansion and the Civilization of Modernity in *Expansion and Reaction*. In H. L. Wesseling (Ed.). *Expansion and Reaction*. Leiden: Leiden University Press.

- Furnivall, J.S. (1939). *Netherlands India. A Study of Plural Economy*. With an Introduction by Jonkheer Mr. A.C.D. De Graeff. Governor-General of Netherlands India 1926-31. Cambridge: Cambridge University Press.
- Geertz, C. (1980). *Negara: The Theatre State in the Nineteenth-Century Bali*. Princeton, NJ: Princeton University Press.
- Gunn, G.C. (2011). *History Without Borders: The Making of an Asian World Region 1000-1800*. Hong Kong: Hong Kong University Press.
- Hooker, V. M. (Ed.). (2012). *The Precious Gift*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Horsfield, T. (1848). Report on the Island of Banka. *Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia* 2, 318-24
- Jarnagin, L. (Ed.). (2012). *Portuguese and Luso-Asian Legacies in Southeast Asia, 1511-2011. Vol. II. Culture and Identity in the Luso-Asian World Tenacities & Plasticities*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Jarnagin, L. (ed.). (2011). *Portuguese and Luso-Asian Legacies in Southeast Asia, 1511-2011. Vol. I. The Making of the Luso-Asian World Intricacies of Engagement* Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Legge, J.D. (1980). *Indonesia*. 3rd Edition. Sydney: Prentice-Hall of Australia Pty Ltd.
- Logan, J.R. (1848a). Malay amoks and piracies. What can we do to abolish them? *Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia* 3, 463-467
- Logan, J.R. (1849b). The piracy and slave trade of the Indian Archipelago. *Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia* 3, 581-588; 629-636
- Mardiana Nordin. (2004). *Sempadan dan Kuasa Dalam Negeri-negeri Melayu. Bengkel Pengesahan Fakta Sejarah Persempadanan Negeri-negeri di Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Maxwell, W. G. & Gibson, W. S. (Eds.). (1924). *Treaties and engagements affecting the Malay States and Borneo*. London: London.
- Miller, W.G. (2000). English Country Traders and Their Relations with Malay Rulers in the Late Eighteenth Century. *JMBRAS* 84 (1), 23-45:
- Mills, L.A. (2012). *British Malaya 1824-67. The Malaysian Branch of Royal Asiatic Society Reprint 22*. Selangor: The Malaysian Branch of Royal Asiatic Society.
- Miksic, J.N. (2014). *Singapore & The Silk Road of the Sea 1300-1800*. Singapore: NUS Press & National Museum of Singapore.
- Nordin Hussin. (2007). *Trade and Society in the Straits of Melaka. Dutch Melaka and English Penang, 1780-1830*. Singapore: NUS Press & NIAS Press.
- Reid, A. (1999). Economic and Social Change, c. 1400-1800. In N. Tarling (Ed.). *The Cambridge History of Southeast Asia. Vol. II. From c. 1500 to c.1800*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Reid, A. (1993.) Introduction: A Time and Place. In A. Reid (Ed.), *Southeast Asia in the Early Modern Era. Trade, Power, and Belief*. Ithaca: Cornell University Press.
- Skeat, W.W. & Ridley, H. (1900). The Orang Laut of Singapore. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society* 33
- St. John, H. (1849). "Piracy in the Indian Archipelago," *Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia* 3
- Tagliacozzo, E. (2000). Kettle on a slow boil: Batavia's threat perception in the Indies outer islands 1870-1910. *Journal of Southeast Asian Studies* 31 (1)
- Tarling, N. (2001). *Imperialism in Southeast Asia 'A fleeting, passing phase'*. London & New York: Routledge Taylor & Francis Group.

- Tarling, N.(1999). The Establishment of the Colonial Regimes. In N. Tarling. (Ed.), *The Cambridge History of Southeast Asia. Vol. III. From c.1800 to the 1930s*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Tarling, N. (1993). *The Fall of Imperial Britain in South-East Asia*. Singapore: Oxford University Press.
- Tarling, N. (1969). *British Policy in the Malay Peninsula and Archipelago 1824-1871*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Tarling, N. (1963). *Piracy and Politics in the Malay World: A Study of British Imperialism in Nineteenth-century South-east Asia*. Melbourne: F.W. Cheshire
- Tarling, N. (1962). *Anglo-Dutch Rivalry in the Malay World, 1780-1824*. London & St. Lucia: Cambridge University Press & University of Queensland Press.
- Thomson, J.T. (1947). Remarks on the Sletar and Sabimba Tribes. *Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia* 1
- Trocki, C.A. (2007). *Prince of Pirates: The Temenggongs and the Development of Johor and Singapore 1784-1885*. 2nd Edition. Singapore: NUS Press.
- Trocki, C.A. (1999). Political Structures in the Nineteenth and Early Twentieth Centuries. In N. Tarling (Ed.), *The Cambridge History of Southeast Asia. Vol. III. From c.1800 to the 1930s*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Turnbull, C.M. (1972). *The Straits Settlements 1826-67. Indian Presidency to Crown Colony*. Singapore: Oxford University Press.
- Vlekke, B.H.M. (1945). *The Story of the Dutch East Indies*. Cambridge, Massachusetts: Harvard University Press.
- Wallerstein, I. (1974). *The Modern World System: Capitalist Agriculture and the Origins of the European World Economy in the Sixteenth Century*. New York: Academic Press.
- Warren, J. F. (2007). *The Sulu Zone 1768-1898. The Dynamics of External Trade, Slavery, and Ethnicity: the Transformation of a Southeast Asian Maritime State*. 2nd Edition. Singapore: NUS Press.
- Warren, J.F. (2003). *A Tale of Two Centuries: The Globalisation of Maritime Raiding and Piracy in Southeast Asia at the end of Eighteenth and Twentieth Centuries*. ARI Working Paper, No.2, June 2003. Retrieved from <http://www.ari.nus.edu.sg/pub/ws/htm>,
- Warren, J. F. (2002). *Iranun and Balangingi: Globalization, Maritime Raiding and the Birth of Ethnicity*. Singapore: Singapore University Press.
- Wesseling, H.L. (1978). "Expansion and Reaction: Some Reflection on a Symposium and a Theme in *Expansion and Reaction*". In H.L. Wesseling (Ed.), Leiden: Leiden University Press.
- Wolters, O.W. (1999). *History, Culture and Region in Southeast Asia Perspectives. Revised Edition*. Ithaca, New York & Singapore: Southeast Asia Program Publications & The Institute of Southeast Asian Studies.